



AJK...Tun Zaki (belakang lima dari kiri) bersama Alumni UMS Chapter Putrajaya. Turut kelihatan Darwis (belakang empat dari kiri) dan Ismail (belakang tujuh dari kiri).

## Alumni UMS Chapter Putrajaya bakal tubuhkan koperasi

NST 22.8.2018 6

KOTA KINABAKLU: Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) Chapter Putrajaya mengadakan Program Jawatankuasa Penubuhan Koperasi Alumni UMS Semenanjung di salah sebuah hotel di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Presiden Alumni UMS Chapter Putrajaya, Mohamad Farizal Mohamad Shawal, berkata program itu bagi membincangkan lanjut mengenai cadangan penubuhan Koperasi Alumni UMS Semenanjung bersama pihak pengurusan UMS.

"Saya berpendapat koperasi ini mem-

punyai signifikan yang tinggi terhadap semua ahli alumni UMS yang ada di sini (Semenanjung).

"Sebagai gambaran awal, penubuhan koperasi ini merupakan satu platform untuk menjana dana dan pendapatan bagi membiayai aktiviti kebajikan alumni selain daripada memberi manfaat kepada ahli-ahlinya," katanya ketika ditemui pada majlis tersebut.

Pertemuan itu turut diadakan sempena majlis perpisahan bersama mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Tun Zaki Tun Azmi.

Farizal berkata, sepanjang Tun Zaki menjadi Pengerusi Lembaga Pengarah, beliau sentiasa memberi sokongan padu dan dorongan serta bantuan kepada alumni-alumni UMS.

"Sehubungan itu majlis ini juga bertujuan meraikan beliau sebagai tanda terima kasih atas segala nasihat dan bimbingan kepada kami selama ini," jelasnya.

Hadir sama pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof Dr. Ismail Ali dan Pengarah Pusat Alumni UMS, Darwis Awang.